

30/07/1998

PM, Anwar lawat Perak

IPOH, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan lawatan berasingan ke Perak masing-masing pada 6 Ogos depan dan esok.

Setiausaha Perhubungan Umno Perak, Datuk Mohd Zaim Abu Hasan, berkata Perdana Menteri akan hadir dalam perjumpaan bersama rakyat dihadiri lebih 7,000 pemimpin Barisan Nasional (BN) di Stadium Indera Mulia, di sini, pada jam 3.30 petang, 6 Ogos depan.

"Dalam perjumpaan itu, Dr Mahathir dijangka memberi penerangan kepada semua pemimpin BN dan Umno negeri mengenai pelbagai isu semasa membabitkan perjuangan parti dan kegawatan ekonomi," katanya di sini, hari ini.

Menurut beliau, Timbalan Perdana Menteri pula akan mengadakan lawatan kerja sehari ke Perak esok.

(END)